

BAB III

PENGENALAN PROJEK BARAT LUAT SELANGOR

A. Pengenalan

Projek Barat Laut Selangor adalah merupakan projek keenam yang dilancarkan oleh Kementerian Pertanian Malaysia berdasarkan kepada konsep pembangunan kawasan pertanian secara bersepadu. Projek ini melibatkan pembangunan kawasan pertanian yang telah sedia ada penduduknya. Ianya telah dilancarkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Negeri Selangor Darul Ehsan pada 6hb Jun, 1978. Ibu Pejabat projek ini terletak di Kuala Selangor.

B. Latar Belakang Projek

Sebelum projek ini dilaksanakan memang telah sedia ada kemudahan-kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh pelbagai Jabatan dan Agensi Kerajaan di kawasan ini. Dibawah projek ini, kemudahan infrastruktur ditambah dan diperbaiki sementara perkhidmatan pelbagai Jabatan dan Agensi kerajaan dipertingkatkan dan disusun dengan lebih berkesan lagi.

C. Objektif Projek

Objektif dan matlamat keseluruhan projek ini adalah untuk meninggikan tarat sosial dan ekonomi petani khususnya bagi daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam. Untuk menuju kearah ini PBLS telah berusaha menjalankan segala kegiatan untuk membangun dan memajukan sektor kebun kecil.

Oleh kerana bidang penglibatan projek ini dalam pembangunan masyarakat petani amat luas, maka projek ini diberi tugas-tugas yang luas dan berat. Mengikut Akta Pertubuhannya, objektif PBLS adalah seperti yang berikut :¹

1. Berita Harian. Projek Barat Laut Selangor. Isnin 18 Feb, 1991. m.s. 4.

1. Meninggikan hasil dan mutu pengeluaran pelbagai tanaman didalam kawasan projek.
2. Memakismumkan pendapatan petani melalui penggunaan semua faktor pengeluaran dengan sebaik-baiknya.
3. Membantu mengurangkan kadar kemiskinan serta memperbaiki taraf hidup 19,500 keluarga tani yang mana sebahagian darinya berada dibawah paras kemiskinan.
4. Membentuk satu masyarakat petani yang berdikari, progresif dan berorientasikan komersial.

D. Strategi Bagi Mencapai Objektif Projek

Bagi mencapai matlamat yang disebutkan, strategi yang digunakan adalah seperti berikut.

1. Menggunakan semua faktor pengeluaran seperti tanah, buruh, modal, teknologi dan pengurusan dengan berkesan supaya dapat menambahkan hasil keluaran.
2. Menggalakkan petani-petani bermuafakat diantara satu dengan lain untuk menguruskan ladang mereka secara berkelompok.
3. Menggalakan petani-petani menjalankan aktiviti-aktiviti sampingan seperti menternak lembu daging, kembing biri-biri, lebah madu, menanam tanaman jangka pendek dan sebagainya bagi pendapatan tambahan.
4. Memperkemas dan memperkuuhkan perkhidmatan-perkhidmatan sokongan pertanian dan sistem penyampaiannya agar petani-petani dapat menerimanya sebagai satu pekej yang bersepada.
5. Memberi latihan dan tunjuk ajar kepada petani-petani tentang pertanian moden, penggunaan kredit, konsep kos, perbelanjaan, pulangan dan untung/rugi supaya petani dapat berdikari dan bertindak untuk mengambil peluang-peluang yang diadakan.
6. Memperkemaskan lagi sistem infrastruktur yang sedia ada supaya petani-petani dapat manfaat sepenuhnya.

E. Taburan Tanaman

Taburan tanaman kekal yang terdapat di Projek Barat Laut Selangor adalah seperti ditunjukkan dalam jadual 3.1. Tanaman kelapa dan koko terdapat diseluruh kawasan projek iaitu di daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam, ianya ditanam secara selingan. Jumlah anggaran keluasan tanaman kelapa adalah sebanyak 32,751 hektar dengan selingan koko seluas 14,261 hektar.

Jumlah anggaran keluasan tanaman-tanaman lain seperti kelapa sawit ialah 4,619 hektar, getah seluas 5,537 hektar dan kopi seluas 1,641 hektar yang mana hanya terdapat di daerah Kuala Selangor. Perbandingan tanaman mengikut keluasan bagi sektor pekebun kecil dan sektor estet turut dapat dilihat dalam jadual 3.1.

Foto 1 : Pejabat Pengarah PBLS




Jadual 3.1 Taburan Keluasan Tanaman Dalam Kawasan P.B.L.S

Bil.	Tanaman	Keluasan* (Hektar)	Bil. Keluarga Tani	Kawasan Utma Tanaman
	PEKEBUN KECIL			
1.	Kelapa	24,116 (18,642 diselangkan dgn koko)	8,405	Daerah sabak Bernam
2.	Padi	19,641	5,909	Daerah Sabak
3.	Getah	790]		Bernam
4.	Kelapa Sawit	7,049]	5,186	Daerah Kuala Selangor
5.	Kopi	419]		
	Jumlah P.Kecil	52,015	19,500	
	ESTET			
6.	Kelapa Sawit	21,258]	-	Daerah Kuala
7.	Getah	389]		
8.	Kelapa	7,584 (6,491 diselangkan dgn. koko)	-	Daerah Sabak
	Jum Estet	29,681	-	
	Jum Besar	81,698	19,500	

Sumber : Laporan Tahunan P.B.L.S. 1989. m.s. 12.

Rajah 3.2: AGENSI-AGENSI DIBAWAH PROJEK BARAT LAUT SELANGOR



F. Organisasi Dan Perlaksanaan Projek

Projek Barat Laut Selangor tidaklah ditadbirkan sebagai sebuah Lembaga atau Perbadanan, perlaksanaan projek ini adalah ditugas dan dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi kerajaan yang sedia ada didalam kawasan projek ini. Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan yang diberi tugas dan tanggungjawab adalah seperti berikut:

1. Jabatan Parit dan Taliair (JPT)
2. Jabatan Pertanian (JP)
3. Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)
4. Bank Pertanian Malaysia
5. Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI).
6. Pejabat Tanah/Unit Khas Bergerak Tanah
7. Agensi-agensi Lain

Adalah diketahui bersamaan dengan usaha-usaha agensi yang disebutkan diatas, sokongan dari Agensi-agensi lain dan intitusi-intitusi tempatan mestilah juga diperolehi supaya dapat mencapai tujuan projek yang ditetapkan iaitu :

1. Sokongan LPN dalam pemasaran hasil tanaman-tanaman utama.
2. Sokongan Jabatan Haiwan dan Perikanan (juga RISDA).
3. Sokongan Pejabat Daerah dan Jawatan kuasa kemajuan dan Keselamatan kampung (JKKK) dalam menyelasai dan mententeramkan perselisihan dan masalah sosial.

Walaupun pelaksanaan projek ini adalah tanggungjawab pelbagai Jabatan dan Agensi yang disenaraikan diatas tetapi semua aktiviti-aktiviti mereka diselaraskan oleh Pejabat Pengarah Projek.

Jadual (3.2) menunjukkan kedudukan kakitangan seluruhnya dalam berbagai Agensi Pelaksanaan Projek.

Jadual 3.2 Kedudukan Kakitangan

Jabatan	Kum A		Kum B		Kum C		Kum D		Jumlah	%
	Bil	Diis	Bil	Diis	Bil	Diis	Bil	Diis		
Pengurus Projek	4	3	3	1	2	2	10	9	17	15 88%
J P T	20	20	14	14	65	46	59	53	158	133 84%
J.P'tanian	3	3	11	6	23	22	6	6	43	37 86%
L P P	-	-	3	3	21	21	-	-	24	24 100%
Jumlah	27	26	29	24	111	91	75	68	242	209 86%

Note : Tidak Termasuk MARDI, BPM, Pejabat Tanah

Kajian mengenai organisasi adalah kurang lengkap tanpa menganalisa strukturnya. Oleh itu, kemajuan sesuatu struktur yang lengkap merupakan satu tugas atau tanggungjawab yang berat bagi seorang eksekutif. Pembahagian tugas jelas kelihatan dalam carta organisasi pengurusan PBLS.


Oleh itu struktur organisasi tidak seharusnya menghadkan pengubahsuaian serta inisiatif para kakitangan.

" ----- Organisational structure, therefore shouldn't become a straight jacket that restrains personnel adaptation and initiatives -----"²

2. Dale E, Planning And Developing The Company Organisational Structure, (Researh Report No: 20) m.s. 40.

Jadual 3.3 pula menggambarkan struktur organisasi pengurusan Projek Barat Laut Selangor dari peringkat atasan hingga kebawah.

3.3 CARTA ORGANISASI PENGURUSAN PBLS



G. Anggaran Kos Projek

Semasa dirancang, Projek ini dianggarkan akan menelan belanja sebanyak \$148.73 juta atau 43 peratus daripada jumlah kos projek terdiri daripada komponen pertukaran asing yang dibiayai melalui pinjaman dari Bank Dunia.

Sungguhpun begitu didalam kajian semula kos projek yang dibuat pada 1hb Disember 1979, anggaran kos projek ini dijangka meningkat keparas \$216.3 juta. Ini adalah disebabkan oleh kenakan harga barang-barang, kos tambahan untuk melebarkan jalan dari 4 kaki ke 6 kaki dan juga pertambahan kawasan projek yang meliputi kawasan Ganda suli di Negeri Perak. Kos sebenar projek ini sehingga akhir tahun 1987 adalah sebanyak \$244.5 juta yang mana \$238.3 juta telah dibelanjakan untuk tujuan pembinaan infrastruktur dibawah PBLS. Peruntukan yang telah diluluskan untuk projek IADP bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990) adalah sebanyak \$55 juta.

Pada pertengahan tahun 1990 kerajaan telah meluluskan peruntukan khas sebanyak \$1.6 juta untuk melaksanakan Program Pembangunan Rakyat Termiskin terhadap seramai 1,302 orang. Perubahan dalam peruntukan ini jelas dari jadual 3.3 yang menunjukkan peruntukan dan perbelanjaan bagi Tempoh RML (1986-1990).

Jadual 3.3 Jumlah Peruntukan Dan Perbelanjaan Bagi tempoh RML (1986-1990)

Tahun	Peruntukan(\$)	Perbelanjaan(\$)	Sebenar(%)
1986	19,250,000	16,772,601	87.13
1987	15,646,000	8,331,006	53.24
1988	11,831,000	11,442,087	96.71
1989	11,757,200	10,992,749	93.49
1990	9,784,000	9,649,492	98.63
Jumlah	68,268,200	57,187,935	85.84

Sumber : Laporan Tahunan PBLS 1990.

G. Anggaran Kos Projek

Semasa dirancang, Projek ini dianggarkan akan menelan belanja sebanyak \$148.73 juta atau 43 peratus daripada jumlah kos projek terdiri daripada komponen pertukaran asing yang dibiayai melalui pinjaman dari Bank Dunia.

Sungguhpun begitu didalam kajian semula kos projek yang dibuat pada 1hb Disember 1979, anggaran kos projek ini dijangka meningkat keparas \$216.3 juta. Ini adalah disebabkan olehkenakan harga barang-barang, kos tambahan untuk melebarkan jalan dari 4 kaki ke 6 kaki dan juga pertambahan kawasan projek yang meliputi kawasan Ganda suli di Negeri Perak. Kos sebenar projek ini sehingga akhir tahun 1987 adalah sebanyak \$244.5 juta yang mana \$238.3 juta telah dibelanjakan untuk tujuan pembinaan infrastruktur dibawah PBLS. Peruntukan yang telah diluluskan untuk projek IADP bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990) adalah sebanyak \$55 juta.

Pada pertengahan tahun 1990 kerajaan telah meluluskan peruntukan khas sebanyak \$1.6 juta untuk melaksanakan Program Pembangunan Rakyat Termiskin terhadap seramai 1,302 orang. Perubahan dalam peruntukan ini jelas dari jadual 3.3 yang menunjukkan peruntukan dan perbelanjaan bagi Tempoh RML (1986-1990).

Jadual 3.3 Jumlah Peruntukan Dan Perbelanjaan Bagi tempoh RML (1986-1990)

Tahun	Peruntukan(\$)	Perbelanjaan(\$)	Sebenar(%)
1986	19,250,000	16,772,601	87.13
1987	15,646,000	8,331,006	53.24
1988	11,831,000	11,442,087	96.71
1989	11,757,200	10,992,749	93.49
1990	9,784,000	9,649,492	98.63
Jumlah	68,268,200	57,187,935	85.84

Sumber : Laporan Tahunan PBLS 1990.

Jadual 3.4

KOS PROJEK MENGIKUT AKTIVITI

Bil	Perkara	1978 Kos (\$)	Sehingga Julai 1990 Juta	Peratus(%)
1	Pengambilan balik tanah	14.102		5.15
2	Kerja-kerja Pengairan	170.124		62.12
3	Kerja-kerja Saliran	40.864		14.92
4	Bangunan & Kemudahan	12.520		4.57
5	Kelengkapan	1.430		0.52
6	P'khidmatan sokongan	21.750		7.94
7	Lain-lain	13.080		4.78
		273.870		100.00

H. Kesimpulan

Program yang disediakan dibawah PBLS menitikberatkan kesejahteraan 19,500 orang keluarga tani. Didapati PBLS telah mengwujudkan banyak kemudahan kepada para petani. Ia juga melibatkan sejumlah kos yang besar. Maka kesan projek keatas masyarakat tani didaerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam begitu jelas kelihatan dari kajian keatas pendapatan dan taraf hidup petani.